

24 NOV 1996

Najib-Umno

HORMATI HIRAKI DALAM PARTI, KATA NAJIB

PEKAN, 24 Nov (Bernama) -- Sebarang pertikaian tentang pengganti Perdana Menteri tidak akan timbul sekiranya hiraki dalam Umno dihormati oleh semua pihak, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Bahagian Pekan di sini, beliau berkata soal pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak seharusnya timbul memandangkan Umno telahpun mempunyai hiraknya sendiri.

"Hirarki sudah ada, jadi tidak timbul sebarang pertikaian tentang siapa yang akan menggantikan Perdana Menteri, asalkan kita hormati hirarki dalam parti yang akan memudahkan sekiranya ada beberapa peralihan," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini yang menyatakan sokongan penuh kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penggantinya.

Perdana Menteri berkata sokongan itu selaras dengan kehendak anggota Umno yang telah memilih Anwar sebagai Timbalan Presiden Parti.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan berkata, beliau akan menyiasat laporan mengenai calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang menduduki peperiksaan itu di hospital tetapi dicatatkan sebagai tidak hadir dalam keputusan ujian itu yang diumumkan baru-baru ini.

Pelajar berkenaan, Mohd Hafiz Burhanuddin, 12, mendapat 3A bagi mata pelajaran Pemahaman Bahasa Melayu, Penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, untuk keputusan bagi mata pelajaran Matematik dicatatkan "T" (tidak hadir).

Mohd Hafiz, dari Sekolah Kebangsaan Jabi, Jertih, Terengganu dilaporkan menduduki peperiksaan UPSR di wad Hospital Universiti Kubang Kerian, Kota Baharu, Kelantan selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya Ogos lepas. --
BERNAMA

ROS MAI